

Demokrasi dan Pilihan Raya Sabah

MENGIKUT piagam penubuhan Persekutuan Malaysia, negara dibahagikan kepada tiga unit pentadbiran yang jelas, iaitu Semenanjung Malaysia (dikenali sebagai Negeri-negeri Tanah Melayu sebelum tahun 1963), Sabah dan Sarawak.

Dari segi saiz, kawasan tiap-tiap negeri Sabah dan Sarawak hampir sama saiznya dengan Semenanjung Malaysia. Namun begitu, dari segi bilangan pemilih, Sabah mempunyai hanya 1 127 220 orang pemilih dan Sarawak sebanyak 1 242 234 orang pemilih daripada jumlah keseluruhan 14 995 705 orang pemilih di seluruh Malaysia (pada ketika itu).

Sejak Malaysia tertubuh, rakyat Sabah mula terdedah kepada demokrasi dan pilihan rayanya. Pada awalnya, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan tanggungjawabnya untuk menubuhkan Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri. Pada mulanya, Sabah dibahagikan kepada 32 kerusi negeri dan 16 kerusi parlimen (tahun 1967). Pilihan raya demokrasi berlandaskan undang-undang pilihan raya yang mula diperkenalkan pada tahun 1967. Beberapa parti politik mula wujud dengan yang terawal ialah Persatuan Cina Sabah (SCA), Pertubuhan Pasokmomogun Kadazan Bersatu (UPKO), Parti Perikatan Sabah (ALL) dan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO).

Pendaftaran pemilih dijalankan oleh SPR pada 1 Mei 1966 hingga 28 Jun 1966. Mengikut daftar pemilih yang dikeluarkan, sebanyak 192 448 orang warganegara (Sabah) didaftarkan, iaitu kira-kira 42.4 peratus daripada jumlah penduduk (454 500 orang). Ramai juga anak Sabah yang tidak mempunyai identiti lengkap yang tidak dapat berdaftar pada waktu itu. Pengundi Tidak Hadir (PTH) sebanyak 1420 orang yang terdiri daripada tentera, polis dan penuntut di seberang laut.

Tempoh Pilihan Raya Sabah pada permulaannya ditetapkan selama 90 hari, dengan sebahagian besarnya merupakan pengundian bergerak kerana kesukaran menjalankan pilihan raya statik khususnya di kawasan pedalaman.

Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan Negeri (DUN) walaupun dalam keadaan yang sukar kerana masalah logistik, tetapi berjalan dengan sempurna. Melainkan dua kerusi (antara 32) yang menang tanpa bertanding, sebanyak 30 kerusi yang dipertandingkan merekodkan bilangan pemilih yang keluar mengundi sebanyak 183 116 atau 88.6 peratus – satu pencapaian yang baik oleh SPR. Mengikut rekod, Papar mencapai undi yang tertinggi, iaitu 95.6 peratus. Bahagian yang terendah, iaitu Sugut (kawasan pedalaman dalam Parlimen Kinabatangan) hanya meraih 80.9 peratus.

Keputusan pilihan raya mencerminkan pertembungan dua parti yang meraih undi berasaskan kumpulan etnik, iaitu UPKO meraih



Keratan penyata Pilihan Raya Umum Negeri Sabah 1967.

12 kerusi yang mewakili etnik Kadazan-Dusun dan USNO yang banyak bergerak dalam kalangan Melayu/Bajau dan lain-lain meraih 12 kerusi, kaum Cina memilih SCA dan parti itu mendapat dua kerusi, Perikatan (pelbagai kaum) meraih tiga kerusi dan Bebas satu kerusi. Calon Bebas, Yap Pak Leong menemai sejarah memenangi Kerusi Elopura (Sandakan) mengalahkan tokoh Perikatan (SCA), Peter Lo Su Yin.

Pilihan raya pertama pada tahun 1967 telah menonjolkan beberapa orang tokoh politik Sabah yang terus memainkan peranan penting dalam arena politik Sabah, beberapa tahun berikutnya. Beberapa orang tokoh awal yang mentadbir Sabah telah meletakkan asas perhubungan antara Kerajaan Sabah dengan kerajaan pusat. Mereka ialah Tun Datu Mustapha Datu Harun (USNO), Herman Luping (UPKO), Tun Mohammad Said Keruak (USNO) – menang tanpa bertanding (1967) – beliau diangkat sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah pada tahun 1990-an, Peter Joinud Mojuntin (UPKO), Mohd. Dun Banir (USNO), Dato' Mohd Yassin Hashim (USNO), Harris Mohd. Salleh (USNO), Dato' Ganie Gilong (UPKO), Dato' Aliuddin Datu Harun (USNO) – adik Tun Mustapha Harun, Salleh Sulong (USNO) dan Tun Sakaran Dandai (USNO).

Hampir kesemua tokoh ini menjadi kenalan penulis selepas penulis mengambil alih jawatan Setiausaha SPR pada penghujung tahun 1979. Tun Mustapha menjadi Ketua Menteri Sabah setelah tamat PRU DUN Sabah pada tahun 1967. Beliau terus kekal sebagai Ketua Menteri Sabah selepas PRU Sabah 1971.

PRU Sabah pada tahun 1971 mencatatkan rekod yang amat luar biasa. Calon Parti Perikatan Sabah (disokong kuat oleh Parti Perikatan Pusat) kesemuanya menang tanpa bertanding dan proses pengundian tidak diadakan selepas penamaan

calon. Rejim Perikatan dengan Tun Mustapha sebagai ketua menguasai kerajaan sepenuhnya. Sesekali saya pergi ke Sabah sebagai Setiausaha SPR dari tahun 1979, saya banyak dihiburkan dengan cerita yang mencerminkan Sabah seolah-olah di bawah pemerintahan seorang diktator, suatu hakikat yang mungkin hanya diperbesar-besarkan.

Di samping itu, pelbagai cerita mengenai perbuatan salah guna kuasa dan kisah lain yang mengiakan pepatah Inggeris, iaitu "*power corrupts and absolute power corrupts absolutely*". Wallahuaklam.

Mengikut catatan sejarah yang dapat penulis rungkai sebelum tahun 1967 adalah apabila Sabah ditadbir oleh sebuah Majlis yang dikenali sebagai Legislative Council (mengikut kehendak Kerajaan British). Sebahagian ahli dilantik oleh Kerajaan British dan sebahagian dipilih daripada Electoral Colleges yang tertubuh menerusi pilihan raya *local district Councils* atau *town boards* bagi bandar seperti Jesselton (Kota Kinabalu). Dengan kata lain, ahli Majlis ialah orang yang dipilih secara tidak langsung. Bagi tempoh interim antara 31 Ogos 1963 hingga 31 Disember 1964, Tun Fuad Stephens menjadi Ketua Menteri diikuti oleh Datuk Peter Lo Su Yin, bermula pada 1 Januari 1965 hingga April 1967.

Seperti yang penulis telah terangkan, PRU DUN Sabah pertama pada tahun 1967 menyaksikan dua parti perkauman yang besar, iaitu UPKO dan USNO berentap dan kedua-duanya mendapat kerusi yang sama banyak – tidak cukup bagi setiap parti untuk menubuhkan kerajaan. SCA di bawah Datuk Edward Khor memilih untuk bersama-sama USNO untuk menubuhkan kerajaan (Kerajaan Perikatan tanpa UPKO).

Tidak lama selepas Kabinet Tun Mustapha ditubuhkan, Kerajaan Perikatan mendapat seorang wakil rakyat UPKO dari Kiulu, iaitu

Datuk Payar Jumen, yang melompat menyokong parti kerajaan (dilantik sebagai menteri selepas itu). Beberapa bulan kemudian, beberapa orang wakil rakyat UPKO melompat menyertai Kerajaan Perikatan, beberapa orang daripadanya dilantik ke jawatan timbalan menteri dan yang lain mendapat jawatan dalam kerajaan. Tun Fuad tidak selesa dengan keadaan itu menyebabkan UPKO dibubarkan dan ahli-ahlinya digalakkan untuk memasuki USNO. Tun Fuad dihantar ke Australia sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia. Pada tahun 1973, beliau dilantik oleh Tun Mustapha sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah (langkah terbaik-baik oleh Tun Mustapha). Pada tahun 1975, dengan sokongan kuat dari Kuala Lumpur, Tun Fuad mengambil alih Presiden Parti BERJAYA yang ditubuhkan oleh Harris Salleh. BERJAYA dapat merampas Kerajaan Sabah daripada Tun Mustapha (USNO) dalam pilihan raya pada tahun 1976 dan Tun Fuad menjadi Ketua Menteri untuk kali kedua. Namun begitu, beberapa minggu setelah menjadi Ketua Menteri, beliau meninggal dunia dalam nahas kapal terbang yang terjatuh berhampiran dengan Lapangan Terbang Kota Kinabalu.

Kisah lompat parti yang berlarutan hingga hari ini bermula dari awal pilihan raya demokrasi bertapak di Sabah. Namun begitu, dari segi bilangan kerusi yang dimiliki oleh parti pemerintah pada tahun 1967, mungkin ada yang akan menganggapnya sebagai suatu langkah memperkuatkan solidariti kaum atau memperteguh pentadbiran parti pemerintah. Apa-apa pun, suatu unsur tidak sihat jelas terjelma, iaitu semua yang melompat mendapat ganjaran yang lumayan, sama ada telah dijanjikan atau datang sendiri sebagai "rezeki". □

Penulis ialah mantan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya.